



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 31/2011 (31 Julai hingga 6 Ogos 2011)

Pada minggu ke-31 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 31 Julai hingga 6 Ogos, sejumlah 343 kes Demam Denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan, menurun sebanyak 34 kes atau 9% berbanding dengan 377 kes dengan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat 6 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Sarawak yang meningkat sebanyak 7 kes (37%), Perak 6 kes (32%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 6 kes (18%), Kelantan 4 kes (24%), Perlis 2 kes (100%) dan Sabah meningkat sebanyak 1 kes (14%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 6 Ogos, sebanyak 12,373 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 58% atau 17,130 kes berbanding dengan 29,503 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 21 kematian akibat Demam Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 78% berbanding 94 kematian pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat dua kematian Demam Denggi dilaporkan iaitu masing-masing di Sabah dan Negeri Sembilan. Kes melibatkan seorang pelajar lelaki berumur 11 tahun dan seorang wanita berusia 27 tahun yang bekerja di sebuah restoran. Tempat kediaman

dan sekolah bagi kes kematian dari Sabah mempunyai pembiakan Aedes di mana sekolah tersebut telah dikenakan kompaun maksima RM500. Manakala bagi kes dari Negeri Sembilan, kawasan kediamannya juga mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 2.7%. Kedua-dua kes ini meninggal dengan sebab komplikasi jangkitan Demam Denggi iaitu *Dengue Haemorrhagic Fever*. Aktiviti kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di kawasan tempat tinggal dan sekolah pesakit bagi memastikan tiada lagi kes Denggi berlaku.

Sejumlah 60 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara berbanding 83 pada minggu sebelumnya, dan daripada jumlah tersebut, 4 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dengan melibatkan sebanyak 59 kes Demam Denggi (Lampiran B). Kesemua 4 lokaliti *hot spots* berlaku di WP Kuala Lumpur iaitu Desa Pandan (Blok G1 – G10) di zon Pusat Bandar manakala Taman Melati (Kenari Apartment), Pangsapuri ATM dan Taman Melati Utama (Platinum Hill) masing-masing di zon Setapak.

Daripada pemantauan Kementerian Kesihatan terhadap kepadatan nyamuk yang dijalankan, di dapati kepadatan nyamuk Aedes di Selangor masih tinggi iaitu 2 gigitan nyamuk setiap jam. Ini menggambarkan bahawa seseorang itu mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat jangkitan Demam Denggi. Dengan ini orang ramai terutamanya di negeri Selangor di harap dapat meluangkan masa 10 minit setiap minggu untuk melakukan aktiviti 'cari dan musnah' tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran kediaman masing-masing.

Dalam pada itu, bagi mempertingkatkan lagi kesedaran masyarakat dalam memerangi ancaman Demam Denggi ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan perkhidmatan

iklan bergerak dan perkhidmatan pameran interaktif yang akan berada di tempat-tempat terpilih terutama di kawasan 'hot spot'. Diharapkan masyarakat mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini dan dapatkan sebanyak mungkin maklumat terkini mengenai Demam Denggi di kawasan masing-masing.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

8 Ogos 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 31/2011
(31 Julai hingga 8 Ogos 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 31/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 31/2010
		Minggu 31 (30 Julai – 6 Ogos 2011)	Minggu 30 (24 – 30 Julai 2011)		
1	Perlis	4	2	53	106
2	Kedah	5	10	292	494 (3)
3	P. Pinang	27	34	1,172 (2)	812 (2)
4	Perak	25	19	795 (2)	1,388 (5)
5	Selangor	119	146	4,719 (5)	12,205 (37)
6	WPKL & Putrajaya	39	33	1,134 (1)	3,020 (4)
7	N. Sembilan	17 (1)	18	477 (1)	1,300 (7)
8	Melaka	3	8	261	480 (9)
9	Johor	28	29	1,074 (5)	2,365 (7)
10	Pahang	15	21	602 (1)	915 (1)
11	Terengganu	6	11	443 (1)	561
12	Kelantan	21	17	428 (1)	1,399 (6)
13	Sarawak	26	19	629	2,986 (12)
14	Sabah	8 (1)	7	285 (2)	1,458 (1)
15	WP Labuan	0	3	9	14
	MALAYSIA	343 (1)	377	12,373 (21)	29,503 (94)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 31
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Pusat Bandar	Desa Pandan (Blok G1-G10)	10	52
2	WPKL	Setapak	Taman Melati (Kenari Appt)	5	40
3	WPKL	Setapak	Pangsapuri ATM	23	37
4	WPKL	Setapak	Taman Melati Utama (Platinum Hill)	21	34

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 31
BAGI TAHUN 2011
(31 Julai hingga 6 Ogos 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Setapak	Taman Melati Utama (Platinum Hill)	2.6	3